



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## **TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

### **SEMPENA**

**KARNIVAL SANTAI KELUARGA 50WP**  
**DAN TEMU DBKL @ WANGSA MAJU**

**28 JULAI 2024**

**TAMAN TASIK DANAU KOTA**  
**KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ  
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

## **SALUTASI AKAN DISEDIAKAN**

Assalamualaikum                      warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan berkat taufiq dan hidayah-Nya dapat kita semua berkumpul pada hari ini bersempena Karnival Santai Keluarga 50WP dan Temu DBKL @ Wangsa Maju pada pagi ini.

2. Tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga kerja Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana telah menjayakan program pada hari ini yang juga merupakan acara kemuncak bagi program-program sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Wilayah Persekutuan yang telah dijalankan dari Oktober tahun lalu hingga Julai 2024.

## **PROGRAM TEMU DBKL TINGKATKAN PELUANG PARTISIPASI PENDUDUK**

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

3. Saya difahamkan Program Temu DBKL @ Wangsa Maju yang turut diadakan bersekali dengan acara ini juga diadakan bagi menyantuni warga kota Kuala Lumpur, khususnya warga Wangsa Maju dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman warga kota mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh DBKL secara lebih meluas.

4. Secara peribadi, saya sangat menghargai program-program *outreach* seperti ini di mana ianya memberi ruang untuk kita bekerja secara lebih proaktif dalam menyampaikan perkhidmatan yang ditawarkan, tidak hanya tunggu di pejabat dan menunggu pelanggan datang. Kaedah ini secara tidak langsung akan menambah baik tata kelola proses perkhidmatan dan mengurangkan birokrasi berlapis-lapis yang perlu dihadapi oleh rakyat terbanyak.

5. Pendekatan *participatory* seperti dilaksanakan melalui Program Temu DBKL ini amat penting bagi memastikan suara dan kehendak penduduk setempat diambil kira dalam perancangan bandar. Dengan penglibatan anda semua, tahap rasa kepemilikan (*sense of belonging*) atau tanggungjawab penduduk setempat terhadap bandar Kuala Lumpur ini dapat ditingkatkan dengan lebih berkesan.

6. Dalam masa yang sama kita juga dapat memastikan keputusan yang kita ambil akan lebih inklusif dan adil dengan mengambil kira pandangan dan keperluan dari semua lapisan masyarakat khususnya terhadap isu yang dibangkitkan. Pendekatan ini adalah selaras dengan budaya kerja HARMONI iaitu Hormat, Adil, Responsif, Mampan, Orientasi Rakyat, Nilai Empati, dan Inklusif yang telah saya perkenalkan pada Februari yang lalu.



7. Saya turut difahamkan bahawa program ini turut melibatkan penglibatan pelbagai agensi kerajaan, NGO dan komuniti seperti Pejabat Khidmat Parlimen Wangsa Maju (tahniah dan terima kasih YB Zahir), PERKESO, ATM, BOMBA, PDRM, KPDN, TNB, FAMA, MAIWP serta 9 buah sekolah menengah di sekitar Wangsa Maju. Lebih 30 agensi dan usahawa kecil juga turut serta memberikan komitmen dalam memeriahkan program ini. Terima kasih saya ucapkan.

8. Kerjasama dengan pendekatan *whole of nation*, amat penting dan patut diteruskan di masa-masa hadapan. Inilah budaya kerja yang baik dalam kita menyampaikan perkhidmatan yang optimum kepada rakyat.

**SAMBUTAN                      50                      TAHUN  
KECEMERLANGAN                      WILAYAH  
PERSEKUTUAN**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Hari ini merupakan kemuncak sambutan jubli emas Wilayah Persekutuan yang bertemakan “Wilayah MADANI, Rakyat Harmoni” dan pada hari ini juga, tiba masa yang

dinanti-nantikan. Kita akan tahu siapakah pemenang bagi program Passport 50WP yang telah berlangsung sejak Oktober 2023 yang lalu. Saya difahamkan program ini mendapat sambutan yang cukup hangat dan telah menerima seramai 7,750 penyertaan dan daripada jumlah tersebut, seramai 337 orang peserta telah berjaya melengkapkan 50 lokasi *check point* di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Tahniah saya ucapkan kepada para pemenang yang akan diumumkan sebentar sahaja lagi.

10. Program seumpama ini adalah penting untuk kita memperkenalkan tempat-tempat menarik di negara kita,

khususnya di WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan juga Labuan untuk menggalakkan 'Domestic Tourism' dalam masa yang sama memperkenalkan kepada pengunjung-pengunjung antarabangsa dalam usaha kita berdepan dengan tahun 2026, iaitu Visit Malaysia Year.

## **EKONOMI MALAYSIA PADA TAHAP YANG OPTIMUM DAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG**

Para hadirin sekalian,

11. Negara kita, Malaysia, telah teguh berdiri sebagai sebuah negara berdaulat selama 67 tahun lamanya.

Kejayaan demi kejayaan telah kita kecapai sejak tahun 1957 hingga kini.

12. Dari segi ekonomi, Alhamdulillah, Kerajaan MADANI di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim, baru-baru ini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang sebanyak 5.8 peratus pada suku kedua tahun ini, meningkat daripada 4.2 peratus pada suku pertama yang lalu.
13. Manakala, bagi separuh pertama tahun 2024, Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK negara meningkat ke 5 peratus berbanding 4.1 peratus pada

tempoh yang sama tahun sebelumnya. Kejayaan ini pastinya memberi kesempatan untuk kita terus berdiri teguh sebagai sebuah negara yang kuat di persada dunia.

14. Menuju ke bulan Ogos beberapa hari lagi, pada hari ini juga, saya akan melancarkan Kempen Kibar Jalur Gemilang sempena Bulan Kebangsaan 2024 Peringkat Kuala Lumpur.
15. Kita akan edarkan sebanyak 40,000 unit Jalur Gemilang kepada agensi-agensi kerajaan, NGO, Majlis Perwakilan Penduduk, persatuan penduduk dan institusi pendidikan seperti sekolah.

16. Selain itu, ingin saya maklumkan bahawa DBKL akan menyemarakkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 dengan program pencahayaan sekitar Kuala Lumpur, pemasangan Jalur Gemilang di jalan-jalan utama sekitar Kuala Lumpur dan banyak lagi aktiviti yang akan dilaksanakan.
  
17. Namun, saya percaya, usaha untuk mengibar Jalur Gemilang ini perlu bermula dari rumah. Sehubungan itu, saya ingin memperkenalkan inisiatif 1 Rumah 1 Jalur Gemilang yang bertepatan menterjemahkan semangat patriotisme dan rasa bangga kita menjadi anak Malaysia.

## **PENUTUP**

Para hadirin sekalian,

18. Akhir kata, saya zahirkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program pada hari ini. Marilah kita sama-sama menghayati semangat kemerdekaan dan sama-sama terus berusaha menyumbang untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang aman, makmur dan sejahtera.



19. Dengan lafaz  
Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan  
ini merasmikan Karnival Santai  
Keluarga 50WP dan Temu DBKL @  
Wangsa Maju,

Sekian, wabillahi taufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.

Terima kasih.